

7

INSIDEN PESAWAT DITEMBAK

1955: El Al Israel Airlines ELAL402

Penerbangan ini berlepas dari London menuju Tel Aviv melalui Vienna dan Istanbul pada 27 Julai 1955. Pesawat Lockheed L-049 Constellation itu bagaimanapun ter-sasar masuk ke ruang udara Bulgaria.

Ia ditembak oleh dua pesawat pejuang MiG-15 milik tentera udara Bulgaria dan terhempas dekat Petrich, Bulgaria. Semua 58 penumpang dan anak kapal terbunuh. Nahas ini berlaku ketika hubungan tegang antara blok timur dan barat sewaktu zaman Perang Dingin.

1973: Libyan Arab Airlines 114

Pada 21 Februari 1973, pesawat ini dalam penerbangan dari Tripoli ke Kaherah melalui Benghazi. Akibat cuaca buruk dan peralatan komunikasinya gagal berfungsi, ia tersasar masuk ke ruang udara yang dikuasai Israel dekat Semenanjung Sinai.

Pesawat Boeing 727-200 ini dipintas dua jet pejuang milik Israel. Ia ditembak jatuh oleh pesawat F-4 Phantom II selepas dikatakan enggan memberi kerjasama.

dikerah untuk mengiringinya.

Pesawat itu membawa 113 orang penumpang dan anak kapal. Lima daripada mereka terselamat termasuk pembantu juruterbang.

1978: Korean Airlines KAL902

Pesawat yang dalam penerbangan dari Paris ke Seoul ini mengalami gangguan peralatan.

Juruterbangnya tersilap membuat perkiraan dan terbang masuk ke ruang udara Kesatuan Soviet di Garisan Artik. Tentera udara Soviet yang menyangka ia pesawat pengihtip melepaskan tembakan.

Pesawat Boeing 707 itu kemudian membuat pendaratan kecemasan dekat sempadan Finland. Dua daripada 109 penumpang dan anak kapalnya terbunuh.

1983: Korean Airlines KAL007

Pada 1 September 1983, seramai 269 penumpang dan kru pesawat 007 dalam penerbangan dari Anchorage New York ke Seoul terbunuh selepas pesawat dinaiki ditembak jatuh oleh jet pejuang Su-15TM Soviet berhampiran Pulau Moneron, barat Pulau Sakhalin Island di Laut Jepun.

Amerika Syarikat Larry McDonald Georgia.

1988: Iran Air IRA655

Kejadian ini berlaku pada 3 Julai 1988 ketika Perang Iran-Iraq dan hubungan tegang antara Amerika Syarikat dan Iran. Tentera Laut Amerika tersalah sangka ia pesawat pejuang.

Selepas beberapa amaran, kapal Tentera Laut Amerika Syarikat USS Vincennes melepaskan dua peluru berpandu di ruang udara Iran di kawasan perairan Iran Teluk Parsi yang satu daripadanya mengenai pesawat 655 itu. Ia jatuh di Selat Hormuz, membunuh semua 290 penumpang dan anak kapal. Pesawat dalam penerbangan dari Tehran ke Dubai.


Iran mendakwa pesawat tersebut sengaja ditembak jatuh. Amerika membayar kepada Iran sebanyak AS\$101.8 juta sebagai ganti rugi.

1998: Lionair LN 602

Pada 29 September 1998, pesawat Lionair LN 602 yang dikendalikan Antonov An-24RV terjatuh ke dalam laut di pantai barat laut Sri Lanka dalam keadaan misteri, membunuh 47 penumpang dan kru. Namun sesetengah laporan menyebut ia ditembak oleh pemberontak Harimau Pembebasan Tamil Eelam.



Ungkapan dari sanubari



Siasatan mendapati juru-terbang pesawat itu menyangkakan dua jet pejuang terbabit milik Mesir yang

Dalam kejadian itu, pesawat pemintas milik Soviet Union menembak jatuh kapal terbang Boeing 747 yang turut mengorbankan seorang wakil rakyat




PESAWAT Korean Airlines KAL007 yang ditembak jatuh jet Soviet.




■ **2001: Siberian Airlines SBII812**

Pesawat Tupelov 154 ini dalam penerbangan dari Tel Aviv Israel ke Novosibirsk Russia pada 4 Oktober 2001. Ia ditembak jatuh oleh misil dari Ukraine sewaktu terbang melintasi Laut Hitam. Tentera Ukraine pada mulanya menafikan namun kemudian mengakui ketenteraan tersilap menembak jatuh kapal terbang semasa latihan.

Semua 78 penumpang dan anak kapal maut, kebanyakannya terdiri daripada warga Rusia yang dilahirkan di Israel



PESAWAT Libyan Arab Airlines yang ditembak pesawat F-4 Phantom II



hazimahdev, lovelyprince88, paanpaang
 eijak77 Pagi ni dunia dikejutkan dengan tragedi #mh17 dan israel mengumumkan serangan darat ke Gaza . Fisabilillah !!
ALLAH SENTIASA ADA BERADA DENGAN IMATNYA



hidayat_zaidin, benjaminpoel01, syafiqashrdn, addamrshn, dayahrifai, brendan_the_unicorn
 shamirshahizat Al-Fatihah dah takziah buat seluruh para penumpang dan anak kapal #MH17. Tak lupa juga pada seluruh rakyat palestine #PrayforGaza



Hafiz Mansor
 2 hours ago

Nasihat saya kepada Blogger2 dan Wartawan FB, nak jadi yang pertama tu menunjukkan anda hebat tetapi jangan sampai edit gambar, video tahun bila pun tak tau semata2 mengejar trafik. Kaji dulu video atau gambar tu. Lagi tinggi trafik, lg byk like, lagi banyak share lagi banyak dosa anda.

181 likes 1 Comment



Nor Azira Razak
 6 hours ago

Bangun pagi sayu dan sedih hati ini,terkenang kan semua penumpang mh17 besar ujian keluarga mereka,semoga mereka tabah melaluinya,Mh370 masih lg kami menanti kemana perginya dan smlm berita begini kami terima.Ya Allah ampuni hamba2mu yg leka dan sesungguhnya besar kekuasaan mu.#praymh17#praymh370#feelingsad#

20 Likes

Like Comment Share